

Agong zahir rasa kagum teknologi Turkish Aerospace Industry

18 Ogos 2022 08:16pm



Al-Sultan Abdullah berkenan melihat pesawat-pesawat yang terdapat di TAI, syarikat pemain utama industri pertahanan dan aeroangkasa Turkiye di sini hari ini. Foto Bernama

ANKARA - Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah menzahirkan rasa sukacita dengan lawatan ke Turkish Aerospace Industry (TAI) serta berharap Malaysia dapat mempelajari teknologi dimiliki pemain utama aeroangkasa Turkiye itu.

Seri Paduka yang turut menzahirkan rasa kagum dengan teknologi dimiliki TAI dan berharap kerjasama lebih rapat antara kedua-dua negara khususnya dalam teknologi pembuatan pesawat udara serta penyelidikan dan pembangunan (R&D) pada masa akan datang.

"Ini lawatan pertama kali saya ke TAI, saya perhatikan banyak pesawat dan R&Dnya...dan kagumlah. Saya dimaklumkan ada juga anak-anak muda kita mempelajari sedikit sebanyak teknologi di sini.

"Mereka (TAI) telah melangkah begitu jauh dari segi teknologi dan berharap sangat dapat bekerjasama dengan Malaysia dalam perkara ini," titah Baginda sejeurus selesai mengadakan lawatan di TAI di sini hari ini.

Terdahulu, Al-Sultan Abdullah berkenan menyaksikan pertunjukan udara menggunakan pesawat tempatan yang dibangunkan TAI antaranya helikopter T129 ATAK dan Gokbey, pesawat tanpa pemandu Anka dan Aksungur serta pesawat latihan Hurkus.

Al-Sultan Abdullah kemudiannya turut berkenan mencuba simulasi pesawat milik TAI.

TAI sebelum ini berminat untuk bekerjasama dan membangunkan industri aeroangkasa Malaysia dengan membawa kepakaran, pengeluaran produk tulen (OEM) ke Malaysia.

Mereka merancang untuk mewujudkan sebuah kilang pengeluaran produk aeroangkasa seperti jet, helikopter dan kenderaan udara tanpa pemandu di Malaysia dalam tempoh setahun dan menjadikannya sebagai pangkalan untuk rantau Asia Pasifik.

Yang di-Pertuan Agong dalam Lawatan Negara ke Turkiye selama tujuh hari bermula Isnin (15 Ogos).

Sementara itu, dalam program sama, Seri Paduka berkenan bertemu dan beramah mesra dengan sebahagian pelajar Malaysia sedang menuntut di Turkiye termasuk tujuh pelajar Malaysia yang menjalani latihan praktikal selama sebulan di TAI.

Tujuh pelajar dari Universiti Kuala Lumpur (UniKL) itu adalah pelajar dalam bidang aeroangkasa di UniKL cawangan Banting, Selangor dan juga kumpulan pertama yang terpilih mengikuti latihan praktikal di TAI tajaan UniKL.

Seorang daripada pelajar berkenaan, Ihsan Jamal, 25, berharap dapat menggunakan ilmu dan pengalaman yang dipelajari sepanjang sebulan di TAI di dalam pekerjaan nanti.

Ihsan yang kini dalam tahun akhir pengajian, berpeluang mempelajari pesawat yang terdapat di TAI khususnya dalam pertahanan.

"Pesawat tanpa pemandu seperti Hurjet dan combat aircraft (pesawat tempur) yang dimiliki TAI dipelajari daripada awal iaitu reka bentuk sampai akhir gabungan semua komponen pesawat dalam satu bangunan.

"Selain itu, kami juga mempelajari bagaimana syarikat TAI membangunkan pesawat tersebut terbang dengan selamat," katanya yang ditemui Bernama.

Seorang lagi pelajar, Muhammad Danish Aqmar Rusdan, 21, berkata sepanjang sebulan latihan di TAI dia dapat mengembangkan pengetahuan dalam bidang kejuruteraan komputer yang dipelajarinya.

"Kebanyakan pembelajaran saya berasaskan komputer dan saya juga dapat menyumbang dalam satu daripada kapal terbang yang dinamakan Hurkus di TAI ini. Alhamdulillah, saya dapat banyak maklumat dan akan mengembangkan informasi ini di Malaysia juga," katanya. - Bernama



Al-Sultan Abdullah berkenan ditemu ramah oleh pemberita Malaysia ketika ditemui di Turkish Aerospace Industries (TAI), syarikat pemain utama industri pertahanan dan aeroangkasa Turkiye hari ini. Foto Bernama